



Sinar 2/7/2011 MS 2.

SOFYAN RIZAL ISHAK
FOTO: WAN AEPEYZUL JUNOH

Pesta Buku Selangor 2011 (PBS 2011) kali keenam, anjuran Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), menggamit lebih ramai pengunjung di lokasi yang pertama kali diadakan, Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC).

Pengarah Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor (PPAS), Mastura Muhammad berkata sambutan pengunjung ke PBS2011 dan Hari Ilmu Negeri Selangor 2011 yang berlangsung selama 11 hari, bermula pada 24 Jun lalu, mendapat sambutan menggalakkan.

Menurutnya, jumlah pengunjung mencecah 180,000 orang dalam tempoh empat hari, iaitu pada hari pertama seramai 16,000 orang, kedua (56,000), ketiga (98,000) dan keempat (16,000).

"Pada peringkat awal, saya berasa bimbang maklum balas pengunjung untuk datang ke pesta buku kali ini, memandangkan lokasi yang berbeza daripada sebelum ini.

Tambahnya, dengan kerjasama daripada Ketua Pegawai Eksekutif SACC, Datuk Zulkifli Mohamad, banyak kemudahan dan keselesaan disediakan untuk melancarkan program tersebut seperti dewan pameran, tempat duduk di sekitar tempat pameran, alunan azan serta makanan pada harga berpatutan. Mengikut statistik bilangan pengunjung ke pesta buku Negeri Selangor pada 2009, seramai 393,000 orang, dan 423,000 (2010).

Mastura rasa bersyukur kerana pelbagai pihak dari agensi kerajaan, swasta mahupun media memberi sokongan bagi menjayakan program yang berbentuk komuniti itu. Antara pihak terbabit seperti Kerajaan Negeri Selangor melalui Jawatankuasa Tetap Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan, SACC Shah Alam, Kumpulan Media Karangkraf, Sinar Harian, Radio Web Selangor (RWS) dan TV Selangor.



Kaki buku
berpeluang
memilih genre
kegemaran.

Fenomena 'gila buku' di SACC

PBS 2011 tarik perhatian
pengunjung di lokasi baru



Golongan ibu bapa membawa
anak masing-masing berkunjung
bagi membentuk budaya ilmu.

pagi hingga 12 tengah hari.

Mastura berkata untuk acara PBS 2012 diadakan di lokasi yang sama, melalui perjanjian persefahaman yang bakal dilakukan antara PPAS dan SACC.

Bagi melancarkan operasi PPAS dan

program 'outreach' perpustakaan secara



Masyarakat berilmu

Menurut Mastura, amalan kerja berpasukan daripada semua warga kerja dan pihak luar telah merealisasikan pesta buku kali ini untuk diadakan di tempat yang lebih selesa bagi pengunjung.

"Kami mengeluarkan sejumlah bajet untuk membuat banting di 56 Dewan Undangan Negeri (DUN) Selangor dan mencetak 500,000 petanda buku ke seluruh sekolah di negeri ini, selain menguar-uarkan maklumat melalui media," katanya.

Mastura menyatakan usaha mengadakan pesta buku itu untuk membudayakan masyarakat berilmu dan mengurangkan kadar jenayah dan gejala sosial, di samping membantu peniaga mencari rezeki.

Beliau mengalu-alukan orang ramai untuk berkunjung ke pesta buku itu dari masa ke masa kerana terdapat pelbagai program menarik yang boleh disertai seperti penampilan Upin Ipin, Didik Zakat, pertandingan warna dan bengkel pengayaan tudung.

Antara segmen menarik adalah Bedah Buku bersama Ustaz Zahazan pada hari ini Julai ini dan keesokannya, Ceramah Motivasi bersama Prof Dr Muhaya Mohamad pada waktu yang sama iaitu 10

PBS, tiga pasukan diwujudkan daripada lebih kurang 100 warga kerja untuk memberi fokus kerja di pesta buku, bangunan lama PPAS di Persiaran Bandar raya dan bangunan baru PPAS di Jalan Kelab Golf 13/5. PPAS di tempat baru bakal beroperasi dan dibuka kepada orang ramai pada 15 Julai ini, kata Mastura.

Pelbagai genre

Setiausaha Jawatankuasa PBS 2011, Nor Khairul Nizam M Sadon berkata sebanyak 155 gerai pameran yang mewakili pelbagai syarikat penerbitan tanah air. Menurutnya, sambutan pengunjung begitu menggalakkan kerana tempat yang selesa dan menawarkan dewan pameran yang luas dalam suasana berhawa dingin.

"Bukan itu sahaja, kemudahan asas seperti surau dan tandas juga selesa, di samping penyediaan makanan dan layanan mesra kakitangan SACC," katanya.

Khairul Nizam berkata, terdapat tiga acara utama yang menjadi daya penarik kepada PBS 2011 iaitu perasmian Hari Ilmu, Konvensyen Buku dan kempen "15 Minit Berhenti Membaca".

Menurutnya, Hari Ilmu adalah satu inisiatif bagi meneruskan usaha merangsang dan mempromosikan budaya membaca dalam kalangan rakyat Selangor.

Aktiviti tersebut merupakan salah satu

besar-besaran bersama masyarakat, membudayakan pembacaan di kalangan rakyat, sambil bersantai membaca di mana-mana.

Konvensyen Buku pula adalah perhimpunan membabitkan kelompok penulis daripada pelbagai genre tidak kira sama ada penulis buku, novel, wartawan akhbar dan lain-lain.

Kempen "15 Minit Berhenti Membaca" pula adalah satu usaha yang dijalankan PPAS dengan kerjasama Kerajaan Negeri Selangor dalam memastikan rakyat membaca di seluruh negeri selama 15 minit.

Tarikan kaki buku

Khairul Nizam berkata, peningkatan bilangan pengunjung turut disumbangkan melalui kerjasama dengan beberapa jabatan kerajaan, institut pengajian tinggi awam/swasta, dan badan berkanun yang menghantar kakitangan dan pelajar mereka mengunjungi PBS 2011.

"Pihak kerajaan negeri turut menggalakkan jabatan kerajaan, institusi pengajian awam/swasta, sekolah dan badan berkanun mengadakan lawatan bagi



menggalakkan budaya membaca.

"Secara purata, kami menerima 10 lawatan setiap hari daripada pihak jabatan kerajaan dan pelajar sekolah dan dibahagikan kepada sesi pagi dan petang," kata Khairul Nizam.

PBS 2011 turut menerima kunjungan daripada bukan sahaja masyarakat di Selangor tetapi luar Selangor seperti Perlis, Pahang dan Sabah.

Khairul Nizam berkata, penganjuran PBS 2011 menampilkan kelainan berbanding tahun lalu apabila mereka yang datang lebih fokus membeli buku.

"Sepanjang lima tahun penganjuran PBS, kebanyakan pengunjung yang pergi ke PBS adalah terdiri daripada mereka yang mempunyai tujuan lain kerana lokasi sebelum ini terletak di Kompleks Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Shah Alam.

"Pengunjung PBS 2011 lebih terarah



ketulenan minatnya kerana hanya mereka yang benar-benar berminat pada buku akan datang ke acara ini," katanya.

Beliau berkata, PBS 2011 turut membenarkan peserta pameran menampilkan daya kreatif pada gerai masing-masing bagi menarik perhatian pengunjung.

Pusat ilmu

Khairul Nizam berkata, setiap individu harus mengunjungi PBS 2011 kerana pelbagai aktiviti menarik disediakan di samping turut menyediakan pelbagai bahan bacaan yang sesuai untuk setiap lapisan masyarakat

dan bangsa.

Antara acara menarik adalah sesi dialog bersama Menteri Besar Selangor pada Konvensyen Penulis yang mana acara itu ternyata mendapat sambutan hangat daripada pengunjung yang hadir.

Selain itu, sesi bertemu maskot animasi paling popular di Malaysia iaitu Upin-Ipin LES' melalui kerjasama Les



MASTURA MUHAMMAD



NOR KHAIRUL NIZAM



NURAAIN AMALINA



JAMSARI MARDI



ROHANA HASMUNI

Copaque, yang pastinya menarik perhatian pembaca buku kanak-kanak.

Menurutnya, PBS 2011 juga turut menganjurkan aktiviti "Bedah Buku" yang dikendalikan oleh beberapa tokoh penulis. Aktiviti itu akan memberikan pendedahan kepada setiap mendedahkan kisah dan rumusan di sebalik sebuah buku yang diterbitkan.

Aktiviti seni turut tidak dilupakan yang mana pengunjung berpeluang merasai sendiri pengalaman menyaksikan pembuatan seni khat apabila pihak Yayasan Restu turut mengadakan taklimat dan demonstrasi khat.

Golongan kanak-kanak juga adalah mereka yang paling diberikan perhatian apabila PBS 2011 turut menyediakan persembahan fesyen pakaian mengikut watak

seluruh ahli keluarga. Dengan itu, setiap orang perlu memanfaatkan program tersebut.

Pilih hari biasa

Pengunjung, Jamsari Mardi, 37, kakitangan swasta, berkata, PBS wajar diteruskan kerana ia memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai dunia ilmu dan harus dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat.

Menurutnya, penganjuran PBS di SACC adalah pilihan terbaik kerana lokasinya yang strategik ditambah dengan kemudahan asas terbaik buat mereka yang mengunjungi acara itu.

"Acara itu sebagai aktiviti kekeluargaan kerana PBS bukan sahaja menawarkan bahan bacaan kepada golongan dewasa malah meliputi semua lapisan dan bangsa.

"Saya sendiri turut berkesempatan membawa keluarga meskipun kami datang jauh dari Sabak Bernam. Apa yang penting, kami memperoleh banyak manfaat daripada kunjungan ini," katanya.

Ramrah Mohd Ali, 52, kakitangan kerajaan, berkata PBS memberi peluang kepada rakyat Selangor mendapatkan pelbagai bahan bacaan dengan mudah pada satu tempat.

Menurutnya, dia mengalami kesukaran untuk membeli-belah pada pesta buku yang di adakan di ibu kota memandangkan yang jauh dari tempat tinggalnya dan sesak dengan pengunjung dari pelbagai pelosok negara.

"Saya memilih hari biasa untuk

"Kebanyakan anak murid yang saya bawa ini terdiri daripada pengawas pusat sumber sekolah. Oleh itu, PBS 2011 adalah peluang kepada mereka mendapatkan bahan bacaan yang bervariasi dan berkualiti untuk meningkatkan pengetahuan," katanya.

Harga istimewa

Nuraain Amalina Mokhli, pelajar, 17, berkata, PBS 2011 menawarkan pelbagai buku pelajaran, motivasi, majalah dan sebagainya yang bersesuaian dengan cita rasanya dan rakan-rakan pelajar lain. Dek minat membaca, dia sanggup meluangkan masa untuk berkunjung ke aktiviti ilmu seperti itu.

"Saya amat berpuas hati kerana memperoleh buku yang diminati dengan kadar harga yang memuaskan berbanding sekiranya membeli di luar," katanya.

Dia berharap penganjuran PBS harus diteruskan dan mencadangkan kepada pihak penganjur supaya meningkatkan jumlah pempamer bagi memberi lebih pilihan kepada pengunjung dalam memilih buku yang diminati.

Rohana Hasmuni, 42, kakitangan swasta berkata, "PBS 2011 menjadi medium orang ramai mendapatkan bahan bacaan yang diminati bawah satu bumbung. Tidak semua individu suka pergi ke kedai untuk membeli buku. Melalui acara seperti itu sudah pastinya akan menarik pengunjung untuk membeli buku sekali gus menggalakkan budaya membaca.





Sebahagian pelajar yang membuat kunjungan ke gerai Kumpulan Media Karangkraf.

buku yang dikendalikan mengadangkan kunjungan ke PBS 2011 kerana ia lebih memudahkan saya untuk memilih bahan bacaan yang diminati. Malahan, jumlah pengunjung yang agak kurang berbanding hujung minggu," katanya.

Menurut Khairul Nizam, tumpuan PPAS kini lebih diberikan kepada kerja promosi bagi aktiviti ilmu seperti ini bagi memastikan sasaran 5.4 juta rakyat Selangor membaca dapat dilaksanakan

Belia turut berkata, PBS adalah platform atau pusat ilmu terbaik buat diri dan

Guru dari Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Maahad Hamidah, Kajang itu berkata, dia turut membawa muridnya ke pameran tersebut bagi memastikan mereka turut berpeluang mendapatkan bahan bacaan masing-masing.

"Kunjungan ke PBS kali ini lebih menguja kerana diadakan pada tempat yang lebih selesa dan besar," katanya.

Tambahnya, aktiviti kunjungan ke aktiviti ilmu seperti itu adalah sesuatu perkara yang wajib bagi saya.

"Saya berpuas hati kerana dapat memilih pelbagai buku yang diminati pada kadar harga istimewa," katanya.

"Saya sanggup mengambil cuti untuk berkunjung ke PBS 2011 bagi memastikan saya dan anak-anak mendapat buku dan ilmu yang berfaedah untuk kami semua," katanya.



Sesi temuramah bersama penulis novel keluaran Buku Fixi adalah antara acara di pesta buku.